

BIDANG AQIDAH TING 4

Iman	Jihad	Riddah	Syirik jali	Takbur
Ahli Sunnah Wal Jamaah	Pusaka	Taubat	Mencuri	Kufur hakikat
Sihir	Muhson	Musahaqah	Riak	Berbohong
Dosa besar	Munafik	Azimat	Ujub	Qazaf
Ghair muhson	Riba al-fadl	Hadihah	Zina	Liwat
Karamah	Dosa kecil	Merompak	Riba al-nasiah	Perang jihad
Bid'ah	Rahmat	Riba	Wasiat	Memfitnah
Dosa	Kufur nikmat	Syirik khafi	Istighfar	Arak
Dadah	Mualaf	Kufur	Mengumpat	Mukmin
Syirik	Khurafat	Ancak	Istiqamah	Fasik

NO	MAKSUD/ HURAIAN/ KETERANGAN	ISTILAH
1	Membenarkan dengan hati, mengakui dengan lidah serta beramal dengan anggota sebagai tanda kepatuhan kepada Allah SWT	
2	Kumpulan yang berpegang teguh dgn Al-Quran & sunnah serta perkara yg dibawa oleh para sahabat serta menentang perkara bidaah	
4	Berterusan dalam menjalankan suruhan Allah S.W.T.	
4	Usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai keredhaan Allah dalam semua aspek kehidupan	
5	Menyekutukan Allah SWT pada zat, sifat dan perbuatan.	
6	Tidak percaya kepada Allah serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW	
7	Orang yang berpura-pura beriman kepada Allah sedangkan pada hakikatnya menolak ajaran Islam	
8	Perbuatan keluar dari Islam.	
9	Kepercayaan & perbuatan karut yang didakwa mempunyai hubungan dgn Islam tetapi bertentangan dgn akidah	
10	Ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus) dengan bantuan makhluk halus spt jin / syaitan bertujuan memudaratkan manusia.	
11	Benda yang dipakai pada mana-mana anggota badan manusia yg dipercayai boleh mendatangkan faedah / sesuatu yg luar biasa	
12	Perlakuan syirik secara terang terangan. Cth : menyembah berhala	
13	Tidak meletakkan Allah sebagai yang mutlak dalam niat terutama dalam ibadat.	
14	Melakukan amalan untuk menunjuk-nunjuk	
15	Perasaan megah dengan diri sendiri / kagum dengan diri sendiri	
16	Membanggakan diri sendiri	
17	Ingkar / menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah	
18	Mengingkari Khaliq / Allah sebagai pemberi nikmat kepada manusia dan makhluk yang diciptanya	
19	Golongan yang baru memeluk Islam	
20	Hidangan yang disediakan untuk menjamu hantu, jin bagi menghindari sesuatu musibah / bala.	

21	Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah swt kepada orang soleh	
22	Perkara baru yang diada-adakan dalam urusan agama	
23	Balasan buruk kerana melakukan larangan Allah swt dan meninggalkan suruhanNya.	
24	Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat	
25	Kesalahan yang tidak diberi peruntukan hukuman tertentu di dunia / amaran azab di akhirat.	
26	Kasih belas yang dilimpahkan Allah kepada orang yang dikehendakiNya.	
27	Tidak bercakap benar / memalsukan fakta dan maklumat yang menyusahkan orang lain.	
28	Mengambil hak orang lain tanpa izin secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanannya.	
29	Mengambil hak orang lain tanpa izin secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanannya.	
30	Faedah / pertambahan bayaran dalam urusan pinjaman, hutang piutang dan seumpamanya.	
31	Pertambahan yang diperolehi melalui pertukaran barang yang sama jenis	
32	Pertambahan akibat penangguhan bayaran.	
33	Harta benda yang ditinggalkan oleh si mati.	
34	Pesanan berbentuk lisan / tulisan yang dibuat oleh seseorang sebelum kematiannya.	
35	Pemberian sebagai tanda kenangan.	
36	Peperangan antara orang Islam dan orang kafir bagi mempertahankan kesucian agama Islam.	
37	Mengata / menceritakan keburukan seseorang di masa ketiadaannya dan menimbulkan kemarahan apabila dilakukan di hadapannya	
38	Melemparkan tuduhan tanpa bukti kepada seseorang	
39	Minuman yang memabukkan yang boleh menghilangkan kewarasan akal fikiran	
40	Sejenis bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya fikir	
41	Persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah	
42	Penzina yang telah berkahwin dengan akad yang sah	
43	Penzina yang belum berkahwin	
44	Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa 4 orang saksi lelaki yang adil	
45	Homoseks / Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki	
46	Lesbian / Hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan	
47	Kembali semula taat kepada Allah setelah menyesali kesalahan yang dilakukan	
48	Orang yang tidak taat kepada Allah s.w.t dan rasulnya dengan melakukan dosa besar / berterusan melakukan dosa kecil	
49	Memohon keampunan kepada Allah swt	

BIDANG AQIDAH TINGKATAN 5

Iman	Ajaran sesat	Kemanisan iman	Maksum	Syiah Zaidiah
Qiamullail	Mukmin	Syiah	Qadar	Munafik
Murtad	Mansuh	Ahlul bait	Taqiyah	Khawarij
Ahli Sunnah wal jamaah	Qada'	As-Salafus soleh	Azali	Majlis Tahkim
Kafir	Syiah Batiniyah	Qat'i	Syiah Imamiah	Mulhid
Musyrik				

NO	MAKSUD/ HURAIAN/ KETERANGAN	ISTILAH
1	Membenarkan dengan hati, mengikrarkan dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota	
2	Bangun malam kerana melakukan ibadat	
3	Berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredhaan Allah s.w.t dan rasulNya lebih daripada harta benda dunia	
4	Kumpulan yang berpegang teguh dengan Al-Quran, sunnah Rasulullah dan perkara yang dibawa oleh para sahabat baginda serta menentang perkara bida'ah	
5	Para ulamak solehin yang hidup sebelum kurun-3 hijrah iaitu para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin	
6	Orang yang beriman & taat kepada perintah Allah s.w.t	
7	Ketentuan Allah s.w.t yang azali terhadap semua makhluk	
8	Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah s.w.t yang azali	
10	Golongan yg mendokong cita-cita untuk menjadikan saidina Ali sebagai khalifah	
11	Kaum keluarga Rasulullah s.a.w	
12	Golongan yang berpendapat bahawa pemimpin umat Islam (imam) hanya layak disandang oleh Ahlul Bait	
13	Terpelihara dari melakukan dosa samada dosa kecil/besar dan terhindar daripada penyakit yang mengaibkan	
15	Menyembunyikan iktikad sebenar mereka apabila berhadapan dengan orang yang berbeza iktikad dengan mereka	
16	Kumpulan Syiah yang berpendapat bahawa kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan & kekufuran dan perbuatan manusia dilakukan oleh manusia bukan Allah s.w.t	
17	Kumpulan Syiah yang menganggap Al-Quran mempunyai makna zahir & batin yang hanya difahami imam mereka	
18	Golongan penyokong saidina Ali yang berjuang menentang Muawiyah tetapi tidak menerima Majlis Tahkim	
19	Majlis perjanjian antara Muawiyah & saidina Ali selepas perang Siffin	
21	Orang yang menyekutukan Allah s.w.t dengan sesuatu / menyamakan sesuatu dengan Allah s.w.t pada zat, sifat & perbuatan	
22	Orang yg menzahirkan keimanan & menyembunyikan kekufuran dalam hati	
23	Perkara yang diasaskan hukumnya kepada dalil & hujahnya tidak boleh disangkalkan	

24	Orang yang keluar dari agama Islam samada dengan perkataan, perbuatan / iktikad	
25	Orang yang tidak beragama (Atheis)	
26	Ajaran / amalan yang didakwa sebagai Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan Al-Quran & as-Sunnah	

